

**Gerakan minta komponen BN henti rebut kerusi
Malaysiakini.com
February 13, 2011**

Presiden Gerakan, Tan Sri Koh Tsu Koon meminta semua pihak berhenti membuat tuntutan terbuka berhubung peruntukan kerusi pilihan raya kerana ia akan menghalang semangat kerjasama di kalangan parti komponen dalam BN.

"Saya tidak setuju kalau tuntutan seperti ini dibuat secara terbuka sebab kalau setiap parti komponen secara terbuka menuntut kerusi itu dan ini, maka akan timbul kekecohan.

"Kalau ada hasrat yang ingin disuarakan, mereka boleh suarakan dan gunakanlah saluran dalaman yang ada, tetapi kalau dibuat secara terbuka ia adalah tidak tepat dan tidak patut berlaku sedemikian," katanya kepada pemberita pada majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina anjuran Gerakan Bahagian Batu, di Kuala Lumpur, hari ini.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/155931>